

1. Apakah kesan ciptaan telegraf terhadap Tanah Melayu?
 - A. Penyebaran maklumat adalah tepat
 - B. Penghantaran barang dagangan lebih cepat
 - C. Perhubungan lebih cepat
 - D. Kepadatan kemajuan teknologi
2. Mengapakah pentadbiran oleh Pejabat India menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pedagang Negeri-negeri Selat?
 - A. Amalan rasuah berleluasa
 - B. Undang-undang India dikuatkuasakan
 - C. Pedagang dikenakan kadar cukai yang tinggi
 - D. Pedagang Negeri-negeri Selat tidak diberi perlindungan
3. Apakah iktibar daripada dasar British untuk mengeksploitasi ekonomi negara kita?
 - A. Kita hendaklah bekerjasama dengan pihak luar
 - B. Kita hendaklah menjadi rakyat yang berilmu pengetahuan
 - C. Kita hendaklah melanggar undang-undang negara
 - D. Kita hendaklah melibatkan diri dalam masalah sosial
4. Maklumat berikut berkaitan dengan kedudukan strategik Pulau Pinang yang memenuhi keperluan British.

Pulau Pinang terletak di Utara Selat Melaka dan berada di laluan perdagangan antara Timur dan Barat

Mengapakah British memilih Pulau Pinang sebagai tanah jajahannya?

- I. Pusat pentadbiran British
 - II. Kawasan perlombongan emas
 - III. Dijadikan sebagai pelabuhan persinggahan
 - IV. Pulau Pinang dijadikan pusat pengumpulan barang
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
5. Maklumat berikut berkaitan dengan pengukuhan kuasa British di Pulau Pinang.

Pada tahun 1800, George Leith, Gabenor Pulau Pinang mendesak Sultan Kedah, Sultan Dhiauddin menandatangani perjanjian dengan British

Apakah kesan daripada perjanjian tersebut?

- A. British berundur dari Pulau Pinang
- B. British menduduki Seberang Perai
- C. Pulau Pinang menjadi pusat pengumpulan barangan
- D. Pulau Pinang menerima ufti daripada kerajaan Kedah

